

# Sindiket dadah perangkap mangsa

SATU perkembangan yang membimbangkan kini ialah wanita di negara ini terus menjadi mangsa sindiket dadah antarabangsa malah statistik pada tahun 2007 menunjukkan seramai 127 wanita Malaysia ditahan di luar negara kerana membawa dadah.

Wartawan **Kosmo!** **Junhairi Alyasa** mewawancara Pengerusi Biro Aduan Komuniti Pemuda UMNO, **Datuk Muhd. Khairun Aseh** bagi mengupas skenario tersebut.

**Kosmo!:** Rakyat di negara ini sering menjadi mangsa sindiket dadah antarabangsa dan kebanyakannya terdiri daripada golongan wanita. Mengapa perkara ini berlaku?

**Muhd. Khairun:** Kita harus akui ini merupakan masalah global. Di negara-negara maju juga mengalami masalah sama. Sindiket ini terdiri daripada golongan tidak berperikemampuan kerana tergamak memperalatkan insan, termasuk wanita yang tidak berdosa untuk mengaut keuntungan hasil perdagangan dadah.

Apakah modus operandi atau taktik yang sering digunakan oleh sindiket terbabit untuk memperdaya mangsa?

Antara taktik terbaru dan berjaya



## Wawancara

kami dedahkan ialah dengan memeralatkan pesakit mental menjadi mangsa mereka. Sindiket terbabit secara spesifik memilih seorang pesakit mental yang mengalami masalah *schizophrenia* yang kronik untuk mengambil dadah di Brazil bagi pasaran Argentina. Mujur tindakan pantas kita dan pihak kedutaan besar di Argentina berjaya menyelamatkan mangsa dan seterusnya membawa beliau pulang ke tanah air. Di kalangan wanita pula mereka sering menjadi mangsa apabila tertarik dengan tawaran berupa wang ringgit dan seks sehingga terperangkap dan akhirnya menjadi 'keldai dadah'.

Sehingga kini sudah berapa ramai rakyat kita terlibat dan apakah nasib mereka selepas ditangkap oleh pihak berkuasa di luar negara?

Apa yang membimbangkan, jumlah mereka yang terlibat semakin hari semakin bertambah malah destinasi

sindiket juga semakin menyeluruh sehingga ke benua Amerika dan Eropah. Bagi mereka yang diberkas oleh pihak berkuasa di luar negara, selalunya, terpaksa menghadapi pertuduhan secara rasmi dan jika didapati bersalah, akan melalui proses hukuman yang sewajarnya. Namun kebanyakan mereka adalah mangsa penganiayaan sindiket ini, kerana daripada fakta yang kita teliti, mereka tidak sedar ada membawa dadah di dalam bagasi mereka, kerana disorokkan di dalam ruangan rahsia. Jika dihukum, kita bersedia membantu mendapatkan pembelaan undang-undang dengan kerjasama pihak kedutaan agar mereka dapat dibebaskan dan dibawa pulang ke Malaysia.

**Persoalannya sampai bila kita harus membantu mereka yang menjadi mangsa, sedangkan perkara ini boleh ditangani pada peringkat awal. Apa komen Datuk?**

Perlu ada kesedaran di kalangan orang ramai mengenai perkara ini jangan terlalu mudah percaya dengan janji-janji manis atau tawaran yang belum tentu ada kebenarannya. Saya nasihatkan orang ramai selidik sedalam-dalamnya terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan. Bincang dengan keluarga dan kawan terdekat dan dapatkan pandangan jika ada pihak menawarkan pelancongan percuma atau menjalin hubungan cinta dengan lelaki asing.